

# TEKAD SEDEKAD: MENYUSUN LANGKAH, MEMBINA KECEMERLANGAN



**Mohamed Noh Daipi**

Pengarah Pusat

Pusat Bahasa Melayu Singapura

## ❖ Abstrak ❖

Makalah ini menyusur dan menggalur tekad serta usaha gigih Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Kementerian Pendidikan dalam merencana strategi dan melaksanakan kegiatannya secara tersusun demi memperkasakan guru, mempercepat pelajar dan memperkaya kurikulum Bahasa Melayu di Singapura. Makalah ini menyingkap program pembangunan profesional guru, program tukikan dan penerbitan yang dilaksana oleh MLCS sepanjang sedekad lalu. Ia juga mengenal pasti beberapa cabaran yang memerlukan MLCS memikirkan dan bertindak segera bagi meneruskan keberkesannya.

---

**Kata kunci:** *pembangunan profesional guru, keupayaan guru, kursus dalam perkhidmatan, program tukikan, penerbitan, cabaran*

## PENDAHULUAN

Pusat Bahasa Melayu Singapura atau ringkasnya MLCS mencapai usia sedekad pada Julai 2020. Ramai beranggapan bahawa jangka masa sepuluh tahun cukup untuk membentuk satu generasi. Bagi MLCS, jangka masa tersebut amat penting kerana MLCS mahu menggunakan peluang yang tersedia untuk membina asas dan menyusun langkah bagi mencapai kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara mampan bersama-sama para pendidik Bahasa Melayu kita di Singapura tanpa mengira usia dan jangka masa pengalaman mengajar mereka.

Penubuhan MLCS diumumkan kepada masyarakat setempat pada 30 Januari 2010 oleh Encik Masagos Zulkifi Masagos yang pada waktu itu menyandang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kanan Pendidikan merangkap Ehwal Dalam Negeri<sup>1</sup>. Pihak media berbahasa Melayu menyambut baik dan mengalu-alukan penubuhan MLCS. Akhbar Berita Harian dalam ruangan lidah pengarangnya menyatakan bahawa “Pembentukan Pusat Bahasa Melayu Singapura memang satu detik bersejarah yang dinantikan bukan sahaja oleh para guru, malah pendukung bahasa Melayu di negara ini... Tidak syak, dengan perancangan dan pelaksanaan tepat, Pusat Bahasa Melayu Singapura boleh menjadi wadah penting bagi pembangunan bahasa Melayu di watan ini.”<sup>2</sup>

Pandangan positif itu dikongsi oleh para pegawai MLCS dan para guru Bahasa Melayu. Malah, perkara itu menjadi lebih penting apabila kita mengambil kira perubahan profil pengguna bahasa Melayu<sup>3</sup> di negara ini termasuk perubahan profil para guru Bahasa Melayu sendiri. Majoriti guru kita kini terdidik dengan mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua berbanding sebagai Bahasa Pertama bagi para guru generasi silam. Hal ini menjadikan MLCS lebih sedar betapa besarnya amanah yang digalas untuk memainkan peranan yang berkesan bagi meningkatkan mutu PdP Bahasa Melayu di Singapura. Hal ini juga menimbulkan kesedaran bahawa adalah penting bagi MLCS untuk memperkaya pengetahuan dan

---

<sup>1</sup>Berita Minggu, 31 Januari 2010: Pusat untuk memartabat bahasa Melayu dibuka Julai.

<sup>2</sup>Berita Harian, Rabu, 3 Februari 2010: Langkah penting peringkat mutu guru Bahasa Melayu.

<sup>3</sup>Pada tahun 2010, sekitar 40 peratus keluarga Melayu yang mempunyai anak dalam Darjah 1 menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Peratusan ini meningkat kepada 67 peratus pada tahun 2019. Sumber: The Straits Times, 23 Oct 2019: *Singapore must guard against losing its bilingual edge: PM Lee.*

kemahiran guru tentang bahasa, budaya, nilai dan peradaban Melayu dalam konteks masyarakat berbilang bangsa, bahasa dan agama di Singapura serta mengambil kira kedudukan Singapura di Nusantara ini.

## **MISI, VISI DAN PERANAN**

MLCS ditubuhkan dengan misi untuk membina budaya kecemerlangan dalam kalangan guru Bahasa Melayu demi memastikan PdP dilaksanakan secara berkesan, bermakna dan menyeronokkan. Besar harapan MLCS supaya hal tersebut dicapai dengan guru mendakap nilai 'arif budiman'<sup>4</sup> yang menjadi visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura, dan menyuburkannya dalam kalangan anak didik mereka. Dalam misi tersebut, MLCS mahu membina keupayaan guru berkaitan pengetahuan kandungan, pedagogi dan e-pedagogi serta penilaian bahasa, sastera dan budaya Melayu. MLCS mahu menyediakan kursus-kursus dalam perkhidmatan yang relevan, berstruktur dan berkesan secara mampan dan berterusan. MLCS menyediakan sekitar lima hingga enam kursus baharu setiap tahun bagi menambat minat dan kesediaan guru untuk terus memperkaya ilmu. Sementelah, MLCS juga menggalak guru untuk melaksanakan kajian berasaskan bilik darjah dan terlibat dalam perkongsian profesional berkaitan kajian yang dijalankan atau berkaitan amalan terbaik yang boleh menjadi pemangkin kepada peningkatan PdP. Sesi perkongsian profesional berlaku dalam kalangan guru menerusi platform Bengkel Kendalian Guru dan juga dalam kalangan ketua guru, iaitu Guru Peneraju dan Guru Kanan.

Lantas, MLCS berwawasan untuk menjadi pusat latihan guru yang cemerlang dengan memperkaya pengetahuan dan memperdalam penghayatan serta meningkatkan kemahiran guru dalam PdP bahasa, sastera dan budaya Melayu demi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. MLCS juga mahu mengukuhkan pemahaman guru tentang teori PdP dan amalannya yang berkesan di bilik darjah bagi memaksimumkan pembelajaran yang bermakna dalam kalangan pelajar.

Fungsi MLCS tidak hanya tercakup pada perkara yang tersurat dalam misi dan visinya tetapi peranan yang dizahirkan termasuk berfungsi sebagai pusat sumber yang kaya dengan bahan rujukan yang berfokus pada pendidikan bahasa, sastera, budaya dan peradaban

---

<sup>4</sup>Visi Arif Budiman telah diperkenalkan sebagai hasil Semakan Semula Kurikulum Bahasa Melayu pada tahun 2005.

Melayu. MLCS menyediakan ribuan teks bahan kajian dalam bentuk cetak dan digital yang mudah guru pinjam dan gunakan. MLCS juga menempatkan bahan-bahan hasil kajian berasaskan bilik darjah untuk rujukan bagi kajian asas dan lanjutan. Salinan bahan dalam bentuk digital dimuatnaikkan di laman web MLCS bagi kemudahan rujukan guru tempatan tetapi yang lebih membanggakan digunakan juga oleh para mahasiswa dan guru luar negara.

Dalam konteks yang lebih luas, MLCS juga membina jaringan hubungan dengan pusat-pusat bahasa Melayu di peringkat serantau dan global. Hal ini dilakukan dengan mengundang para pensyarah serantau dan ilmuwan serta pengkaji bahasa dan sastera Melayu yang tersohor di peringkat antarabangsa untuk mengendalikan kursus dan menyampaikan ceramah yang MLCS anjurkan untuk para guru. MLCS juga melawat institusi pendidikan bahasa dan sastera serta pertubuhan budaya di rantau ini dan juga Australia.

Walaupun MLCS merupakan pertubuhan yang kecil, namun iltizam dan ikhtiarnya amat besar. Keyakinan organanisasi lain pada keupayaan dan potensi MLCS amat menyerlah. MLCS mendapat sokongan pendanaan daripada pihak Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (*Malay Language Learning and Promotion Committee* - MLLPC), Kementerian Pendidikan untuk menganjurkan aktiviti tauliah MLLPC bagi Program Persidangan Serantau dan Program Penyerapan bagi Guru Peneraju dan Guru Kanan. Kedua-dua program tersebut telah dilaksanakan setiap tahun melainkan pada 2020 apabila pandemik COVID-19 melanda dunia. Program Persidangan Serantau memberi peluang dan keyakinan kepada guru yang terpilih untuk menyampaikan kertas kajian di persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi. Sementara bagi Program Penyerapan, MLCS menghantar dua kumpulan guru yang berbeza. Kerjasama Kementerian Pendidikan kedua-dua negara Singapura dan Brunei yang melibatkan memorandum persefahaman membuka peluang kepada guru Singapura untuk mengikuti program yang dilaksanakan secara sehalu di Brunei. Sementara Guru Peneraju dan Guru Kanan pula berpeluang untuk mengikuti program penyerapan yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi di Indonesia dan Malaysia serta yang dianjurkan oleh pertubuhan budaya di Riau, Indonesia.

Salah satu inisiatif bermakna yang MLCS terokai dan lakukan dengan cemerlang adalah menerbitkan bahan rujukan bagi guru dan bahan pembelajaran bagi pelajar. Bahan-bahan bercetak untuk guru meliputi sumber rujukan bagi guru melaksanakan pedagogi yang

disarankan lebih mudah. Bahan bercetak juga meliputi buku prosiding Seminar Bahasa Melayu yang diterbitkan setiap tahun, empat jilid teks Siri Ceramah Arif Budiman, pakej rujukan Menjadikan Pemikiran Jelas, buku rujukan Amalan Pengajaran Singapura ringkasnya STP dan lain-lain lagi. Bahan-bahan penerbitan bagi pelajar pula disediakan untuk murid prasekolah sehinggalah untuk pelajar sekolah menengah. Tujuan penerbitannya adalah untuk menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan menyeronokkan. Setiap bahan terbitan MLCS mendapat sambutan dan komen baik daripada para guru dan penggunanya.

Sambutan yang amat positif oleh para guru, masyarakat dan media terhadap peranan yang dilaksanakan serta sumbangan bermakna yang MLCS berikan terus mengukuhkan iltizam MLCS dan Guru Pakar untuk mencapai prestasi yang terbaik demi memartabatkan bahasa Melayu di Singapura. Maka timbullah slogan ‘Memperkasakan guru, Mempercepatkan pelajar, Memperkaya kurikulum.’

## PERSIAPAN AWAL

Pada awalnya, MLCS ditubuhkan sebagai sebuah unit di Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum (CPDD), Kementerian Pendidikan Singapura (MOE). Sejurus selepas penubuhannya, MLCS mula mengukuhkan penyusunan dan pembangunan pentadbiran, tenaga kerja, kewangan dan program pembangunan profesional guru. MLCS mendapat sokongan penuh daripada pihak MOE daripada segi kewangan, tenaga kerja dan prasarana yang diperlukan. Pejabat sementara MLCS ditempatkan di Pusat Bahasa Kementerian Pendidikan (Bishan) dan tiga bilik darjahnya telah dipinjamkan kepada MLCS bagi menampung keperluan kemudahan menjalankan kursus dalam perkhidmatan untuk guru.

Sebagai permulaan, dalam konteks sumber tenaga kerja, MLCS dibekalkan dengan tenaga seorang Pengarah Pusat<sup>5</sup>, tiga orang Guru

---

<sup>5</sup>Saya, Mohamed Noh Daipi, telah bertugas sebagai Penolong Pengarah Perancangan dan Pembangunan Kurikulum di CPDD dari tahun 2002 hingga 2014. Pada tahun 2010, saya juga telah dilantik sebagai Pengarah Pusat, Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS). Saya menyandang kedua-dua jawatan selama empat tahun dan kemudian memilih untuk bertugas khusus di MLCS kerana mahu melakukan lebih banyak program untuk para guru Bahasa Melayu secara kreatif dan berstruktur dalam konteks pembangunan profesional mereka. Saya mula menyatakan hasrat itu pada tahun 2012. Pada 2014, permintaan saya dipenuhi. Pada tahun yang sama, MLCS telah dipindahkan dari CPDD ke Akademi Guru Singapura (AST), Kementerian Pendidikan bagi menyelaraskan pengendalian program pembangunan profesional guru dengan usaha yang dilakukan oleh semua akademi dan pusat bahasa di bawah naungan AST. Saya terus berkhidmat di MLCS sehingga bersara daripada Perkhidmatan Pendidikan Singapura pada akhir 2020.

Pakar, seorang jurulatih pusat dan dua orang pegawai pembantu eksekutif yang menyokong hal-hal pentadbiran. Memandangkan jumlah Guru Pakar yang terhad, MLCS telah mengambil keputusan strategik dengan mengundang pensyarah tersohor bagi menggalakkan guru mengikuti kursus. MLCS mengundang Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, Profesor Datuk Dr Awang Sariyan, Datuk Zainal Abidin Borhan dan beberapa pensyarah lain selaku pensyarah bersekutu.

### **Prinsip dan Pendekatan Pembinaan Program Pembangunan Profesional**

MLCS memulakan langkah awal dengan bingkis untuk melakar program pembangunan profesional untuk guru. Usaha MLCS bermula dengan menjalankan tinjauan analisis keperluan guru berkaitan pembangunan profesional secara bersepadu termasuklah mengadakan beberapa perbincangan kumpulan kecil yang melibatkan kumpulan-kumpulan guru yang berbeza. Terdapat beberapa perbincangan kumpulan kecil yang melibatkan guru permulaan dan guru mapan, dan juga Guru Peneraju serta Guru Kanan Bahasa Melayu. Usaha ini penting dilakukan untuk memahami dan seterusnya memenuhi keperluan dan harapan kumpulan-kumpulan guru tersebut demi menjadikan program dan kegiatan MLCS relevan dan dapat dipraktikkan di bilik darjah secara mampan.

MLCS juga memastikan kursus yang direka bentuk dan dilaksanakan bagi para guru berkaitan kandungan dan kaedah pengajaran bahasa, sastera, budaya dan nilai Melayu haruslah merujuk secara langsung dan selaras dengan kandungan dan pedagogi yang dicadangkan oleh sukatan pelajaran dan buku teks atau pakej bahan PdP yang diterbitkan oleh MOE. Namun, MLCS menggalakkan Guru Pakar untuk memastikan kandungan kursus haruslah menambah nilai pedagogi, aktiviti PdP dan penilaian pembelajaran yang disarankan. Hal ini penting bagi memastikan pelajar lebih positif dan seronok mempelajari bahasa ibundanya.

MLCS juga memberikan tumpuan pada Kemahiran Abad ke-21 yang menekankan keperluan peningkatan kemahiran informasi, komunikasi dan kolaborasi, dan berfikir secara kritis dan inventif. MLCS memilih untuk menjalankan beberapa kursus berkaitan kemahiran-kemahiran yang relevan dengan PdP Bahasa Melayu. MLCS juga melakukan tinjauan terhadap kursus-kursus pedagogi dan penilaian yang dijalankan dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda yang dilakukan di luar dan dalam negara bagi memastikan kursus-kursus yang dilaksanakan bagi guru Bahasa Melayu sama maju dengan PdP bahasa lain.

Bagi memastikan kursus-kursus yang dijalankan selaras dengan hasrat dasar dan pendekatan pihak MOE, MLCS sering dengan pantas membina kursus-kursus yang berkaitan secara langsung dengan inisiatif-inisiatif MOE. Hal ini termasuklah Amalan Pengajaran Singapura (*Singapore Teaching Practice, STP*), Ruang Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Space, SLS*) dan e-pedagogi serta Kemahiran Masa Depan bagi Pendidik (*SkillsFuture for Educators*) yang melibatkan kursus ‘pengajaran pembezaan’. Terbaharu, MLCS menawarkan kursus berkaitan ‘metakognisi’ dan ‘pembelajaran jelas’ (*visible learning*) pada tahap amalan yang lebih tinggi, iaitu ‘mampan’ berbanding tahap ‘mahir’ bagi kursus-kursus ‘pengajaran pembezaan’, dan ‘pembelajaran berasaskan inkuiri’ yang dilaksanakan pada tahap ‘mahir’ pada tahun lepas. Sebagai penjelasan, kursus pada tahap mampan dilaksanakan dalam format ‘komuniti pembelajaran berangkaian’ (*networked learning community*) sementara pada tahap mahir, formatnya masih dalam format biasa – sama ada dilaksanakan secara fizikal ataupun dalam talian.

### Penyesuaian Kursus untuk Guru

MLCS kemudian mengambil pendekatan yang praktikal dengan menyesuaikan kursus yang ditawarkan mengikut keperluan guru. Kursus-kursus **Tunas Budiman** ditawarkan kepada guru permulaan yang berkhidmat dari awal mereka bertugas sehingga akhir tahun kedua dalam perkhidmatan. Kursus-kursus yang ditawarkan meliputi pengetahuan ‘bahasa baku’, ‘Amalan Pengajaran Singapura’, dan ‘literasi dan amalan penilaian’. Kursus **Mekar Budiman** dibuka kepada guru-guru berpengalaman yang telah mengajar selama tiga tahun dan selanjutnya. Majoriti kursus yang dilaksanakan diperuntukkan bagi kumpulan guru tersebut bagi memastikan guru akan terus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka semasa dalam perkhidmatan. Kursus **Bestari Budiman** diperuntukkan bagi Guru Peneraju dan Guru Kanan. Kumpulan guru tersebut diberikan kursus yang lebih mendalam yang disampaikan oleh para pensyarah mapan seperti Profesor Emeritus Dato’ Dr Asmah Haji Omar, Profesor Emeritus Dr Hashim Musa, Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah dan beberapa pensyarah lain. Program **Cendekia Budiman** pula melibatkan semua guru dan juga awam. Program yang dianjurkan adalah seperti Seminar Bahasa Melayu yang dianjurkan secara tahunan, Siri Ceramah Arif Budiman dan sesi perkongsian profesional bagi guru.



## Pengawalan Mutu Bahan dan Pelaksanaan Kursus

MLCS bukan sahaja mementingkan pembinaan struktur program pembangunan profesional guru yang teratur tetapi berusaha memastikan kursus yang dilaksanakan mempunyai kandungan yang bermutu dan boleh diguna pakai semasa PdP di bilik darjah. Natijahnya, kandungan kursus harus selaras dengan kandungan dan pendekatan kurikulum nasional, teori yang dikemukakan selaras dengan amalan yang disarankan dan dapat dilaksanakan oleh guru dengan berkesan, dan contoh bahan PdP tambahan yang disediakan sesuai dengan keperluan dan keupayaan murid. Bagi memastikan hal ini berlaku, MLCS membina proses kerja yang terbuka bagi Guru Pakar demi mengawal mutu dan memberikan bahan kursus yang terbaik untuk guru.

Guru Pakar perlu mengikut panduan AST dari segi jangka masa yang ditetapkan untuk menyiapkan bahan kursus. Hal ini membantu Guru Pakar untuk melakukan tugas yang pelbagai mengikut waktu. MLCS pula menyarankan proses kerja dengan pengawalan mutu yang baik. Guru Pakar mempunyai sesi perkongsian sesama sendiri bagi meneliti bahan kursus yang dibina secara tuntas. Guru Pakar yang membina bahan kursus perlu menjelaskan setiap aspek bahan kerana peleraian keprihatinan yang disuarakan rakan-rakan boleh membantu meningkatkan kefahaman dan penerimaan guru yang mengikuti kursus kelak. Guru Pakar juga perlu memasukkan 'bahagian pembelajaran bersepadu' (*blended learning components*) untuk menyediakan guru dengan mengumpulkan pengetahuan dan pengalaman asas mereka tentang kursus yang akan mereka ikuti. Hal ini juga menggalakkan guru untuk tahu mengaplikasi pedagogi baharu yang mereka pelajari di sekolah mereka kelak.

Guru Pakar juga diminta untuk menjalankan sesi uji cuba pedagogi yang mereka sarankan di beberapa buah sekolah. Hal ini penting bagi memastikan bahan kursus termasuk nota berkaitan pedagogi, teks bahan pembelajaran bagi pelajar dan rancangan pelajaran yang dimasukkan sebagai pakej kursus akan dapat guru fahami dan contoh pelajaran yang disaran dapat guru laksanakan dengan berkesan di bilik darjah. Faktor utama yang paling penting terlibat semasa sesi uji cuba bahan kursus di sekolah ialah proses 'mengajar bersama' (*co-teaching*) yang dilakukan oleh Guru Pakar dengan guru di bilik darjah. Proses mengajar bersama mengukuhkan rasa saling percaya dan saling hormat antara guru dan Guru Pakar. Lantas, ia meningkatkan kerjasama antara dua kumpulan guru tersebut, apatah lagi guru boleh memberi input dan saranan



kepada Guru Pakar bagaimana sesuatu kaedah pengajaran dapat dilaksanakan dengan berjaya dengan mengambil kira input dan kelakonan pelajar. Inilah pengalaman dan proses kerja yang amat berharga dilaksanakan oleh MLCS. Malah ia menjadi semakin penting apabila guru yang bekerjasama dengan Guru Pakar diundang menjadi pemudah cara semasa kursus dilaksanakan di MLCS. Proses pembangunan profesional semacam gaya perantisan (*apprenticeship*) ini menguntungkan semua pihak yang berkepentingan.

### **Bangunan Tetap, Perisian Mantap**

Cadangan untuk membina bangunan tetap MLCS telah mendapat kelulusan dan peruntukan daripada MOE pada tahun 2010, dan proses pembinaannya dimulakan pada lewat 2011. Cakupan peruntukannya meliputi semua aspek. Satu setengah tahun kemudian, bangunan tetap MLCS siap. Bangunan MLCS mempunyai reka bentuk yang menarik dan kemudahan yang membanggakan dengan lapan bilik latihan, setiap sebuah makmal pedagogi, studio rakaman audio dan makmal ICT. Bangunan MLCS juga mempunyai sebuah pusat sumber, bilik persidangan, bilik kerja kakitangan profesional dan ruang pejabat umum. Inilah kali pertama institusi bahasa Melayu di bawah naungan pemerintah mempunyai bangunannya yang khusus.

Mempunyai bangunan dengan reka bentuk yang moden dan gagah yang diselenggara dengan baik tidak meletakkan staf MLCS. Malah ia menjadi pendorong untuk mencambah, menyubur dan merimbun pohon perisiannya dengan program pembangunan profesional guru yang berencam dan berkesan dalam membina keupayaan guru demi memperkaya pembelajaran pelajar. Kemudahan yang ada merancakkan lagi penganjuran program pembangunan profesional dan para guru menyambutnya dengan positif secara tekal.

Bangunan MLCS telah dibuka secara rasmi pada 12 April 2014 oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, Encik Teo Chee Hean. Majlis perasmianya dihadiri lebih daripada tiga ribu guru, pelajar dan ibu bapa yang mengikuti acara perasmianya dan Fiesta Bahasa Melayu.

### **PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL**

MLCS mula menjalankan program pembangunan profesional secara penuh untuk guru pada 2011. Program terasnya meliputi kursus-kursus yang dilaksanakan selama empat hingga 16 jam oleh Guru Pakar dan pensyarah bersekutu. Program teras ini juga melibatkan

Bengkel Kendalian Guru yang dianjurkan di bangunan MLCS. Guru-guru yang mengendalikan bengkel dibimbing oleh Guru Pakar semasa membina bahan-bahan bengkel mereka. Beberapa tahun kemudian, bilangan sekolah yang mengundang Guru Pakar untuk mengendalikan Bengkel Berasaskan Sekolah semakin bertambah. Bengkel ini sering melibatkan sekolah-sekolah yang terdapat dalam Kelompok Sekolah atau zon yang sama. Bilangan sekolah yang mengundang Guru Pakar untuk membimbing guru melaksanakan pedagogi yang telah guru mereka pelajari melalui kursus atau yang mahu dibimbing untuk menyelesaikan hal-hal keprihatinan berkaitan PdP juga bertambah dari setahun ke setahun.

Selain daripada menjalankan kursus dan bengkel sebagai program pembangunan profesional terasnya, MLCS juga menganjurkan program tukikan yang melibatkan penganjuran Seminar Bahasa Melayu secara tahunan, Siri Ceramah Arif Budiman, Program Penyerapan ke Brunei, Indonesia dan Malaysia, dan Program Persidangan Serantau yang memberikan peluang kepada guru untuk menyampaikan kertas kajian mereka di negara-negara jiran kita. MLCS juga menganjurkan sesi perkongsian profesional dalam kalangan guru. Sesi perkongsian profesional dan Seminar Bahasa Melayu berfungsi sebagai wadah untuk menggalakkan guru berkongsi hasil kajian berasaskan bilik darjah yang mereka laksanakan di sekolah masing-masing atau berkongsi amalan-amalan terbaik dengan rakan sejawat dari sekolah lain.

### **Kursus dan Bengkel**

Setiap tahun MLCS menjalankan sebanyak 30 hingga 40 sesi kursus dan bengkel untuk guru yang berkaitan dengan bidang-bidang yang telah dijelaskan di atas. Jadual berikut menunjukkan jumlah sesi kursus dan bengkel dan jumlah guru yang mengikutinya. Sambutan para guru amat menggalakkan.

**Jadual 1: Jumlah Sesi dan Guru yang Mengikuti Kursus dalam Perkhidmatan dan Bengkel 2011-2015**

Tahun	Kursus		Bengkel Berasaskan Sekolah		Bengkel Kendalian Guru @ MLCS		Jumlah
	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	
2015	37	1,490	-	-	2	107	1,597
2014	39	1,764	-	-	3	263	2,027
2013	33	2,062	-	-	-	-	2,062
2012	27	1,761	-	-	1	160	1,921
2011	27	1,477	1	32	1	300	1,809

MLCS memperkenalkan sekitar lima hingga enam kursus baharu setiap tahun dan menawarkan kursus-kursus yang guru perlukan. Bagi kursus-kursus tertentu, MLCS mengundang pensyarah yang merupakan pakar bagi bidang tersebut. MLCS juga meneliti lapor balik yang guru berikan bagi setiap kursus yang mereka hadiri. Selepas lima tahun menjalankan program pembangunan profesional, MLCS menjalankan tinjauan untuk mendapatkan maklum balas guru tentang program yang telah mereka ikuti. Dapatan daripada maklum balas tersebut amat memberangsangkan.

**Jadual 2: Maklum Balas Guru Tentang  
Program Pembangunan Profesional Anjuran MLCS, Jan 2016**

Keterangan	Peratus		
	Sangat Setuju	Setuju	Jumlah
1. Jumlah kursus yang dianjurkan MLCS setiap tahun mencukupi (sekitar 30-40 sesi kursus setahun).	30.4	66.1	96.5
2. Saya berpeluang mengikuti kursus baharu di MLCS setiap tahun.	23.8	68.1	91.9
3. Kandungan kursus anjuran MLCS relevan.	28.6	71.1	99.7
4. Kursus anjuran MLCS memenuhi keperluan pengajaran/ pembelajaran/ penilaian di bilik darjah.	27.6	71.3	98.9
5. Buku/nota kursus yang disediakan MLCS memenuhi keperluan rujukan dan pemahaman.	28.9	69.3	98.2
6. Usaha MLCS membina keupayaan guru melalui kajian bekesan (Contoh: melalui Seminar Bahasa Melayu, Sesi Perkongsian Profesional dll.)	16.0	81.9	97.9
7. Program tukikan anjuran MLCS seperti Seminar Bahasa Melayu, Ceramah Arif Budiman, Program Penyerapan dan Program Persidangan Serantau mencukupi untuk guru.	16.0	82.4	98.4
8. Saya suka akan bahan terbitan MLCS dalam bentuk cetak dan digital/elektronik untuk guru dan pelajar.	27.3	70.5	97.8

N = 460 guru untuk semua peringkat yang telah mengikuti kursus anjuran MLCS.

Dengan mengambil kira maklum balas yang amat positif daripada guru, MLCS terus giat menjalankan program pembangunan profesional untuk mereka. MLCS mengambil inisiatif untuk memperkenalkan tajuk-tajuk yang menarik minat guru dan berguna untuk PdP di kelas selain daripada yang berkaitan secara langsung dengan kemahiran-kemahiran bahasa teras dan ujian yang dicadangkan dalam sukatan pelajaran. Misalnya, MLCS melaksanakan kursus-kursus berikut: Teknik Penyilaian, Psikometrik dalam Pendidikan, Pengajaran Secara Eksplisit, Pembelajaran Berasaskan Masalah, PdP Bahasa Menerusi Lagu, Hati Budi Melayu, Kosmologi Melayu, Belajar Bahasa Melalui Bermain, Dari Kemahiran Reseptif Kepada Produktif, Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV), Amalan Pengajaran Singapura (STP), PdP Berasaskan Ruang Pembelajaran Pelajar (SLS), Pembelajaran Berasaskan Inkuiri, Menggunakan Filem dalam PdP Kemahiran Menulis, Literasi Media dan Informasi Dalam PdP Bahasa Melayu, Membina Bahan dan Melaksanakan Pembelajaran di Rumah dan Metakognisi.

Data bagi program pembangunan profesional dari tahun 2016 sehingga 2020 adalah seperti yang berikut:

**Jadual 3: Jumlah Sesi dan Guru yang Mengikuti Kursus dalam Perkhidmatan dan Bengkel 2016-2020**

Tahun	Kursus		Bengkel Berasaskan Sekolah		Bengkel Kendalian Guru @ MLCS		Jumlah
	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Sesi	Jumlah Guru yang Hadir	
2020 (On-line)	24	1,000	-	-	6	85	1,085
2020 (F2F)	9	247	2	46	-	-	293
2019	39	1,102	10	250	6	118	1,470
2018	29	869	5	98	5	111	1,078
2017	36	984	13	222	7	145	1,351
2016	32	1,026	-	-	3	190	1,216

## Program Pembangunan Profesional Semasa Pandemik COVID-19

Sebelum COVID-19 diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan usaha pemutus litar rangkaian pandemik dilaksanakan di negara kita, MLCS berjaya menjalankan 9 sesi kursus, 12 sesi Bengkel Berasaskan Sekolah, Seminar Bahasa Melayu dan sesi Ceramah Arif Budiman. Penularan COVID-19 tidak menghentikan usaha untuk menyokong guru dalam pembangunan profesional mereka. MLCS bingkas mengubah kursus kendaliannya kepada format dalam talian dan melaksanakan 24 sesi kursus dan enam sesi Bengkel Kendalian Guru yang juga dijalankan dalam bentuk dalam talian. Sekitar 1,085 guru menghadiri 30 sesi dalam talian melalui portal SLS pada awalnya. Kesemua bahan kursus yang berbentuk video penyampaian oleh Guru Pakar, unit pembelajaran mikro dan bahan pembelajaran untuk pelajar kemudiannya dialihkankan ke portal OPAL2.0 apabila ia siap. Hal ini merupakan kejayaan yang membanggakan bagi MLCS dan guru Bahasa Melayu.

Usaha gigih dan iltizam MLCS sebenarnya lebih luas dan mendalam jika dilihat pada usaha balik tabir yang dilakukan oleh Guru Pakar. Mereka gigih mengalih bahan untuk sesi kursus secara fizikal kepada skrip penyampaian dan rakaman video, menyediakan bahan yang sesuai untuk pembelajaran bersepadu bagi guru sebagai aktiviti sebelum kursus, menyediakan unit pembelajaran mikro dengan kepanjangan rakaman Powtoon selama sekitar tiga hingga empat minit bagi menyokong pembelajaran sendiri para guru berkaitan topik atau pedagogi tertentu. Yang lebih mencabar ialah Guru Pakar perlu memilih program ICT yang relevan untuk menggalakkan penyertaan guru secara aktif semasa aktiviti kursus dijalankan secara dalam talian.

## Program Tukikan

Selain kursus dan bengkel, MLCS juga meluaskan pembelajaran guru dengan melaksanakan Seminar Bahasa Melayu, Siri Ceramah Arif Budiman, Program Penyerapan ke Brunei, Indonesia dan Malaysia, dan juga Program Persidangan Serantau untuk guru menyampaikan kertas ajian mereka di persidangan yang dianjurkan oleh institusi pendidikan tinggi di negara jiran. Seminar Bahasa Melayu dan Program Persidangan Serantau bermatlamat menggalak guru untuk melaksanakan kajian berasaskan bilik darjah dan menajamkan keupayaan mereka untuk menganalisis dan menyelesaikan masalah berkaitan PdP. MLCS membimbing guru semasa pelaksanaan kajian dan mengedit laporan kajian mereka. Terdapat kertas kajian guru



yang diterbitkan dalam jurnal pendidikan terbitan universiti yang menganjurkan seminar.

Program Penyerapan pula bertujuan untuk memperdalam dan memperkaya pengetahuan dan kemahiran guru tentang bahasa dan budaya Melayu dalam konteks setempat dan serantau. Guru mempelajari ilmu daripada siri kuliah yang disampaikan oleh para pensyarah terkemuka daripada universiti-universiti di negara tersebut. Program Penyerapan juga melibatkan lawatan ke pusat-pusat bahasa, sastera dan budaya. Sekembalinya ke Singapura, para peserta akan bekerjasama dengan Guru Pakar yang mengetuai peserta program untuk membina bahan PdP sebagai usaha susulan menggunakan pengetahuan yang telah dipelajari. MLCS kemudian menerbitkan bahan-bahan tersebut dan menganjurkan sesi perkongsian profesional atau bengkel yang dimudah cara oleh guru peserta Program Penyerapan. Proses pembelajaran sebegini amat memperkaya pengalaman dan berharga untuk guru kita.

Bagi Siri Ceramah Arif Budiman, seperti yang telah dinyatakan, ia melibatkan para pensyarah tersohor dari pelbagai negara: Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim (2010) dan Profesor Datuk Seri Dr Awang Sariyan (2010 dan 2020) dari Malaysia, Profesor Dr George Quinn dari Australia (2011), Profesor Dr Wu Zhongyu dari China (2011), Dayang Hjh Aminah Hj Momin dari Brunei (2012), Profesor Dr Chun Tai-Hyun dari Korea Selatan (2012), Profesor Dr Mahsun dari Indonesia (2013), Profesor Dr Arndt Graf dari Jerman (2013), Datuk Al-Azhar dari Indonesia (2015), Profesor Dr Tatiana Denisova dari Rusia/Malaysia (2015), Profesor Dr Mikihiro Moriyama dari Jepun (2016), Encik Sidek Sanif dari Singapura (2018), dan Profesor Madya Dr Farish Noor dari Malaysia/Singapura (2019). Siri Ceramah Arif Budiman sentiasa mendapat sambutan baik daripada para peserta dan pihak media.

Jadual 4 menunjukkan sambutan para peserta untuk program tukikan anjuran MLCS:

**Jadual 4: Program Tukikan MLCS dan Sambutan Guru**

Tahun	Seminar Bahasa Melayu		Siri Ceramah Arif Budiman	Program Penyerapan BM (MLIP)	Program Persidangan Serantau (RCP)		Jumlah
	Jumlah Kertas Kajian	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Guru yang Hadir	Jumlah Guru Peserta	Jumlah Sesi	Jumlah Guru Penyampai	
2020	43	370	165	COVID-19	-	COVID-19	535
2019	54	575	153	29 (2)	5	21	778
2018	53	540	139	18 (2)	1	4	701
2017	48	525	-	12	5	20	557
2016	48	510	180	23 (2)	4	16	729
2015	38	480	359 (2)	25 (2)	4	14	878
2014	38	560	-	32 (2)	3	13	605
2013	26	490	370 (2)	25 (2)	3	12	897
2012	29	420	585 (2)	31 (2)	3	13	1,049
2011	23	507	600 (2)	-	3	12	1,119
Jumlah	400	4,997	2,551 (12)	195 (15)	31	125	7,848

Penerangan: Angka dalam tanda kurung menunjukkan jumlah sesi program dianjurkan oleh MLCS dalam tahun tersebut.

### **MEMBINA BAHAN PdP, MEMPERKAYA KURIKULUM**

Salah satu lagi usaha MLCS yang menerima sambutan amat baik daripada para guru ialah penerbitan bahan PdP yang sekali gus memperkaya kurikulum. MLCS menerbitkan bahan-bahan rujukan bercetak dan digital untuk guru. Ini termasuklah bahan rujukan bagi Amalan Pengajaran Singapura (STP), Menjadikan Pemikiran Jelas (MTV), Pengajaran Secara Eksplisit, buku prosiding Seminar Bahasa Melayu, teks penyampaian Siri Ceramah Arif Budiman dan pelbagai lagi. Semua bahan-bahan bercetak untuk guru dan pelajar telah dimuatnaikkan ke laman web MLCS dalam format PDF untuk memudahkan keperluan rujukan. MLCS tidak melupakan jasa dan

keunggulan generasi perintis setempat yang telah menyumbang kepada masyarakat dan negara kita. MLCS telah menerbitkan buku dan video wawancara 'Bicara Budiman: Dr Muhammad Ariff Ahmad' (2018) dan 'Bicara Budiman: Sarkasi Said' (2020).

Selain itu, MLCS telah menerbitkan 30 unit pembelajaran mikro dengan menggunakan program Powtoon bagi memudahkan guru mempelajari secara sendiri tentang Aktiviti Pengajaran (*Teaching Actions*) yang disarankan oleh MOE melalui STP. Untuk menyokong guru melaksanakan Pembelajaran di Rumah (*Home-based Learning*) dengan berkesan dan bagi menyelaraskan PdP dengan STP dan SLS, MLCS menyediakan 150 unit bahan interaktif bagi murid Darjah 1 hingga 6, dan 30 peratus daripada bahan-bahan tersebut digunakan sebanyak 1,000 hingga 3,000 kali oleh guru dan murid. Bagi pelajar sekolah menengah pula, MLCS menyediakan sebanyak 35 bahan interaktif yang juga dimuatnaikkan ke portal SLS. Sekitar 20 peratus bahan-bahan tersebut digunakan sebanyak 1,000 kali oleh guru dan pelajar setelah dinaikmuatkan.

MLCS juga menerbitkan bahan pembelajaran untuk pelajar dalam bentuk digital. Ini termasuklah pembinaan aplikasi interaktif berasaskan ICT seperti Aplikasi Pintar Peribahasa (2015), Aplikasi Pintar Kata (2016), Aplikasi Cerita Rakyat Nusantara (2016), Aplikasi Legenda Singapura (2018) dan Aplikasi Bitara Kata (2018). Kesemua aplikasi ini boleh dimuatturunkan secara percuma dan telah mendapat sambutan yang amat baik daripada para pengguna. Malah, kesemua aplikasi itu memenangi Anugerah Gangsa atau Anugerah Kejujangan dalam siri Anugerah Innergy MOE.

MLCS juga menerbitkan kad-kad bacaan untuk peringkat prasekolah dan kelas rendah bawah bagi membina kecekapan bacaan asas mereka. Selain itu, MLCS juga menerbitkan bahan untuk bacaan ekstensif dan bahan-bahan permainan bahasa bagi menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Semua bahan penerbitan MLCS boleh dirujuk dan dimuat turun di laman web MLCS.

## CABARAN DAN PELUANG

Mengimbas sedekad lepas, MLCS telah mencuba sedaya upaya melaksanakan peranannya dengan sebaik mungkin demi memenuhi keperluan guru dan pelajar seperti yang termaktub dalam misi dan peranannya serta petunjuk prestasi utama (KPI) sebagai pusat pembangunan profesional guru. MLCS menggunakan sumber yang ada secara optimum untuk meningkatkan keupayaan guru dan

kebolehan pelajar secara maksimum. Data tinjauan 2016 menunjukkan MLCS berada di landasan yang tepat. Guru menyambut baik program yang dibina dan ditawarkan. Malah, maklum balas positif diterima juga daripada para pelawat MLCS dari dalam dan luar negara yang mengikuti aktiviti dan merujuk serta menggunakan bahan terbitan MLCS melalui wadah media sosial.

Melihat ke hadapan, kejayaan yang telah dicapai sepanjang sedekad lalu juga menjadi cabaran kepada MLCS dalam meniti masa depan. Dapatkah MLCS terus memperbaiki jika tidak mempertahankan rekod baiknya sepanjang sedekad lalu? Apakah pembaharuan pada program pembangunan profesional dan penerbitan yang membawa kebaikan yang dapat diperkenalkan kepada guru dan pelajar? Dapatkah Guru Pakar mempertahankan mutu kerja dan bahan kursus serta penerbitan yang ditawarkan kepada guru? Mampukah setiap Guru Pakar mempertahankan penggunaan mutu bahasa yang baik tanpa perlu bergantung pada pegawai kanan untuk mengedit kerja mereka? Bagaimanakah MLCS dapat menyelaraskan kepentingannya dan guru Bahasa Melayu berbanding dengan keutamaan yang ditetapkan oleh badan induknya?

Daripada segi struktural dan program, bagaimanakah MLCS akan menyesuaikan kedudukan dan programnya dengan situasi pasca COVID-19? Bagaimanakah pula MLCS akan menyelaraskan aktiviti dan pengaruhnya dengan pelaksanaan Guru Pakar (Sekolah) [*MTT (School)*] yang buat pertama kalinya akan berlaku pada tahun 2022 untuk subjek Bahasa Melayu? Bagaimanakah keseimbangan boleh dicapai antara panduan yang MLCS akan berikan kepada Guru Pakar (Sekolah) dengan kebebasan yang pegawai tersebut mahukan demi memenuhi keperluan guru dan sekolah?

Perkara-perkara di atas memerlukan pemikiran yang jelas dan teliti untuk membawa MLCS, guru, pelajar dan PdP Bahasa Melayu ke tahap selanjutnya. MLCS perlu menggunakan peluang yang ada atau mencipta peluang untuk terus membina keupayaan para guru kita. Jika Guru Pakar tidak meningkatkan keupayaan menggunakan bahasa dengan baik, tidak menyelesaikan tugas mengikut masa yang telah ditetapkan, tidak membina bahan kursus dengan mutu yang diharapkan atau tidak melaksanakan uji cuba bahan kursus di sekolah, sudah pasti sukar bagi MLCS mempertahankan prestasi baiknya. Guru Pakar harus memastikan perkara-perkara tersebut tidak berlaku supaya MLCS dan para guru kita akan terus maju bersama-sama.

## PENUTUP

MLCS ialah aset bersama semua pihak berkepentingan dalam pendidikan Bahasa Melayu di Singapura. MLCS bukan sahaja perlu terus memenuhi keperluan guru dan pelajar mengikut apa yang termaktub dalam kurikulum nasional. Ini adalah sesuatu yang asas. MLCS perlu memahami dan merungkai situasi semasa untuk melihat peluang masa hadapan supaya MLCS sendiri dan guru Bahasa Melayu boleh terus berdiri sama tinggi dengan dengan guru-guru yang mengajar subjek lain. MLCS perlu terus menyusun langkah demi mencapai kecemerlangan dalam memperkasakan guru, mempercepat pelajar dan memperkaya kurikulum di tanah air kita.

## RUJUKAN

Berita Minggu, 31 Januari 2010: Pusat untuk memartabat bahasa Melayu dibuka Julai.

Berita Harian, Rabu, 3 Februari 2010: Langkah penting pertingkat mutu guru Bahasa Melayu.

The Straits Times, 23 Oct 2019: *Singapore must guard against losing its bilingual edge: PM Lee.*